

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)13

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

13. Terdapat kawasan parkir yang luas berhampiran Jambatan Merdeka, Bumbung Lima (sempadan Pulau Pinang dan Kedah) yang telah terbiar sekian lama.
- (a) Nyatakan status terkini dan apakah rancangan Kerajaan Negeri terhadap kawasan parkir tersebut?
 - (b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina replika sebagai salah satu daya tarikan pelancong di kawasan tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan Projek Mercu Tanda Fasa 1 yang turut merangkumi pembangunan parkir di kawasan tersebut. Projek tersebut telah dilaksanakan menggunakan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Kerajaan Negeri buat masa ini tiada perancangan lanjut bagi kawasan parkir tersebut

di mana tanah tersebut di bawah Pejabat Pengurusan
Lembangan Sungai Muda (PLSM).

- (b) Cadangan pembinaan sebuah replika feri pernah dibincangkan dalam pelaksanaan Projek Mercu Tanda Fasa 2. Namun, projek tersebut tidak diteruskan memandangkan tiada peruntukan daripada KPKT. Kerajaan Negeri buat masa ini tiada perancangan untuk meneruskan projek tersebut memandangkan tumpuan diberikan untuk pelaksanaan projek-projek kritikal terlebih dahulu.